

sarjana turut menerima surat kelulusan cuti belajar daripada Naib Canselor, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak pagi tadi.

Mereka yang akan melanjutkan pengajian dalam PhD ialah Mohd Hisham Mohd Sharif, Nor Azizah Zainal Abidin, Mohamad Noor Sharipudin, Nor Hasliza Mat Desa, Wan Izzat Wan Ahmad, Mohd Imran Khusairi Shafee dan Nik Nor Suhaida Ali.

Manakala dalam bidang Sarjana ialah Arul Jothi Kandiah Maheshvaran dan Wahidah Shari.

Mustafa berkata, penawaran dan kesediaan untuk melanjutkan pengajian peringkat Sarjana dan PhD diharap menjadi kepuasan peribadi, universiti dan negara sekaligus menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga akademik mempunyai PhD.

"Saya berharap penyerahan surat ini seiring dengan hasrat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak dalam RMK10 yang mahukan lebih ramai rakyat negara ini memiliki PhD,"ujar beliau.

Namun mereka yang ingin melanjutkan pengajian ini harus mengambil ingatan dan tindakan untuk menghabiskan pengajian mereka dalam masa yang ditetapkan dan cuba mengelak daripada kegagalan.

Oleh itu, mereka perlu melengkapkan diri dengan sikap, mental dan kualiti bagi menghabiskan pengijazahan dalam masa yang diberikan.

Beliau menambah sehingga kini UUM mempunyai 325 orang yang memiliki PhD dan dijangka dalam masa dua tahun lagi iaitu 2013 akan mencapai 60 peratus dan berusaha menambah lagi sehingga mencapai 75 peratus untuk mencapai ke arah Universiti Penyelidikan.

"Memiliki PhD amat bermakna bagi seorang ahli akademik dan penawaran bagi menghantar staf UUM pula merupakan pelaburan yang amat tinggi dan berharap dengan pelaburan ini akan memberi keuntungan kepada semua pihak iaitu peribadi, universiti dan negara,"ujarnya lagi.

Sementara itu, beberapa penerima yang ditemui melahirkan rasa terima kasih kepada pihak pengurusan universiti khususnya, Naib Canselor kerana mengadakan majlis yang ringkas tetapi amat bermakna kerana dapat mendengar sendiri hasrat pihak universiti.

Mohd Hisham Mohd Sharif, 31, yang akan melanjutkan pengajian di University of Adelaide, Australia selama 36 bulan mulai 14 Februari 2011 berkata, perjumpaan ini bukan sahaja untuk menerima surat kelulusan untuk bercuti belajar tetapi mereka merasakan satu amanah yang amat berat bagi mereka memikulnya.

"Kami melihat seperti kata Naib Canselor ianya bukan sahaja kepuasan untuk peribadi malah untuk mengangkat imej UUM bagi menambah kalangan tenaga akademik yang memiliki PhD dan seterusnya negara bagi melahirkan lebih ramai kalangan rakyat yang memiliki PhD,"katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Manakala bagi Mohd Imran khusairi Shafee, 24, yang akan melanjutkan pengajian PhD di kampus ini berkata, bagi mengengam PhD samada dalam atau luar negara bukan ukurannya tetapi bagi melengkapkan pengijazahan adalah matlamat utama.

"Saya akan cuba bersama rakan-rakan lain yang ditawarkan ini untuk menghabiskan pengijazahan kami dalam masa yang ditetapkan dan akan pastinya akan berbakti kepada universiti ini yang memberi peluang kepada kami,"katanya.

Turut hadir Pemangku Pendaftar Mohamad Akhir Yusuf, Pengarah Jabatan Canselori, Baharudin Yaacob dan Timbalan Pendaftar Mohd Zaini Nasri.

Habis.

=====
DARIPADA: